



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 28 /2024

**PERISTIWA HIJRAH:  
PEDOMAN MENCAPAI KEJAYAAN**

**12 Julai 2024**

*Bersamaan*

**6 Muharram 1445**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْهِجْرَةَ فَتْحًا وَنَصْرًا وَعِزًّا لِلْإِسْلَامِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، إِمَامُ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ، وَسَيِّدُ الْأَنْامِ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya, dan juga meninggalkan segala larangan-Nya. Ingatlah, hanya dengan bertakwa kepada Allah SWT, setiap manusia akan memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, khatib menyeru kepada semua agar dapat memberi tumpuan kepada khutbah yang bertajuk:

**“PERISTIWA HIJRAH: PEDOMAN MENCAPAI KEJAYAAN”.**

### **Muslimin yang berbahagia,**

Kita sedang berada dalam tahun baharu 1446 Hijri. Sejarah merakamkan bahawa peristiwa Hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah menjadi titik tolak kepada kejayaan dakwah Islam.

Justeru, peristiwa Hijrah tidak boleh dilupakan oleh umat Islam, tidak boleh dibiarkan hanya tercatat dalam kitab sejarah, dan tidak boleh diketepikan pengajaran dan pedoman daripadanya. Umat Islam perlu berusaha untuk mengambil pengajaran daripada peristiwa Hijrah ar-Rasul SAW.

Hijrah tidak sama sekali memberi gambaran Rasulullah SAW dan para sahabat melarikan diri dari Mekah disebabkan tekanan golongan musyrikin, tetapi Hijrah itu merupakan satu perintah Allah SWT. Hal ini dinyatakan dalam Surah al-Baqarah, ayat 218:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَتَىٰكَ

يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

**Maksudnya:** Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah, mereka itulah orang yang mengharapakan rahmat Allah. Dan ingatlah, Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Hijrah menggambarkan pengorbanan hamba yang mengharapakan keredaan Allah SWT. Rasulullah SAW telah berusaha keras menyampaikan dakwah di Mekah selama kira-kira 13 tahun. Pelbagai cabaran dilalui oleh Baginda dan umat Islam selama tempoh tersebut. Namun mereka tetap istiqamah berpegang kepada ajaran Islam dan menyebarkannya.

Perbuatan berhijrah meninggalkan kampung halaman, harta dan kedudukan, keluarga, kenalan serta kehidupan di Mekah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan Sahabatnya adalah satu pengorbanan besar demi untuk menyebarkan agama Islam.

Semangat pengorbanan inilah yang perlu ada dalam diri setiap umat Islam. Kesanggupan mengorbankan keseronokan dunia hanya untuk memastikan Islam terus berkembang dan diterima oleh orang ramai merupakan amalan yang dijanjikan pahala besar di sisi Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah at-Taubah, ayat 20:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً

عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

**Maksudnya:** Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah; dan mereka itulah orang yang berjaya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Hijrah juga mengajar umat Islam tentang pentingnya mengatur strategi untuk memperoleh kejayaan. Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah tidak berlaku dengan sekelip mata. Ia memerlukan perancangan strategi bagi memastikan misi dakwah di Madinah berjalan lancar.

Perancangan awal Hijrah berlangsung dengan ikatan perjanjian orang Madinah bersama Nabi SAW yang dikenali sebagai Perjanjian Aqabah. Orang Madinah menunjukkan semangat yang tinggi untuk bersama-sama Nabi menyebarkan Islam.

Begitu juga dengan strategi perjalanan Rasulullah SAW bersama Saidina Abu Bakar RA yang memerlukan keduanya berada dalam Gua Tsaur selama beberapa hari. Beberapa individu turut berperanan memastikan perjalanan Hijrah berlangsung dengan lancar dan selamat. Abdullah bin Abu Bakar dan Amir bin Fuhairah R.Anhuma, masing-masing merupakan antara orang yang berusaha memastikan keberadaan Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar RA di Gua Tsaur tidak diketahui oleh musyrikin Mekah.

Begitulah strategi Rasulullah SAW dengan bantuan beberapa orang lain dalam usaha Hijrah. Rasulullah SAW menunjukkan bahawa kejayaan boleh dicapai dengan perancangan yang baik. Tidak ada kejayaan yang datang bergolek, semuanya memerlukan perancangan rapi dan semangat juang yang tinggi.

### **Sidang Jumaat yang diberkati Allah,**

Hijrah juga memberi petunjuk, pentingnya institusi masjid dalam usaha meninggikan agama Allah SWT. Masjid mestilah dijadikan tempat untuk meninggikan syiar Islam dan menampakkan kesatuan umat Islam.

Masjid Quba' ialah masjid yang pertama dibina oleh Rasulullah SAW semasa berhijrah. Apabila Baginda tiba di Madinah pula, antara perkara awal yang dilakukannya ialah membina Masjid Nabawi. Tindakan Rasulullah SAW membina kedua-dua masjid tersebut menunjukkan kepentingan masjid sebagai pusat dakwah Islam.

Justeru, umat Islam perlu sedar tentang kepentingan masjid dan keperluan untuk mengimarahkan masjid. Janganlah dibiarkan masjid lengang tanpa jemaah kerana keadaan tersebut menampakkan kelemahan umat Islam. Rebutlah peluang meraih ganjaran besar dengan melakukan ibadah di masjid dan surau.

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Barang siapa yang berwuduk di rumahnya, kemudian berjalan ke masjid untuk mendirikan solat fardu yang diwajibkan oleh Allah SWT, maka langkah pertama menghapuskan dosanya, dan langkah kedua mengangkat darjatnya.”

(Hadis riwayat Muslim)

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Tidak ada hijrah dengan kelebihan besar yang menyamai Hijrah Rasulullah SAW dan para Sahabat. Namun, kita perlu mengambil peluang melakukan hijrah dalam diri ke arah kebaikan.

Sempena dengan kedatangan tahun baharu Hijri pada kali ini, marilah kita bertekad untuk memperbaiki kelemahan diri dan berusaha untuk mencapai kejayaan dalam hidup berdasarkan syariat Islam.

Rasullullah SAW bersabda:

وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

**Maksudnya:** Dan orang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan larangan Allah.

(Muttafaq 'alaih)

Semoga kehidupan kita semakin diberkati oleh Allah SWT dan kita termasuk dalam kalangan orang yang berhijrah ke arah kebaikan untuk mendapat kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ  
بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ

اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

**Maksudnya:** Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah an-Nisa', ayat 100)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

### **Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Berbaktilah kepada Allah SWT dengan sepenuh hati. Manfaatkanlah peluang kehidupan ini dengan melakukan ketaatan untuk mendapat keredaan-Nya. Ketahuilah bahawa Allah telah menjadikan hari Jumaat sebagai penghulu segala hari yang dipenuhi dengan pelbagai kelebihan sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

”Sebaik-baik hari ialah hari Jumaat. Padanya dijadikan Nabi Adam.

Padanya dimasukkan baginda ke syurga dan padanya juga dikeluarkan daripada syurga, dan tidak berlaku Kiamat melainkan pada hari Jumaat.”

(Hadis riwayat Muslim)

Maka bersempena dengan hari yang mulia ini, sayugialah kita umat Islam mengambil peluang melakukan amal kebaikan seperti berniat iktikaf ketika berada dalam masjid, mengambil pengajaran daripada kandungan khutbah Jumaat, berzikir serta menunaikan solat Jumaat dengan tertib dan khusyuk. Janganlah melakukan perkara yang boleh mengganggu jemaah lain sepanjang berada di masjid, kerana perbuatan tersebut dilarang dalam Islam.



Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebajikan dan taqwa.

**Ya Allah**

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.